



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

29 - 30 NOVEMBER 2025 (SABTU - AHAD)

Protest With Puppy Carcasses Prompts DVS to Reopen Cruelty Probe

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Malay Mail	Malaysia	Dalam Talian	28 Nov



The Department of Veterinary Services has reopened probes into the deaths of puppies in Kuang, Selangor, following a rights group's protest in Putrajaya. — Unsplash pic

PUTRAJAYA, Nov 28 — Animal rights activists, who brought the carcasses of four dead puppies to the Department of Veterinary Services (DVS) headquarters, have successfully pressured the agency to reopen a nine-month-old animal cruelty investigation into the deaths.

The DVS has now instructed its Shah Alam branch to resume the probe into the deaths of the litter of puppies in Kuang, Free Malaysia Today reported.

The protest was organised by the Global Human Rights Federation (GHRF) and Persatuan Haiwan Terbiar Malaysia after they learned the case had been closed.

GHRF president S. Shashi Kumar said he was informed of the department's decision to reopen the case after meeting with a representative during the demonstration.

Shashi described the initial decision by the Shah Alam

DVS to close the case due to a “lack of concrete evidence” as “unacceptable.”

He insisted that evidence pointing to the culprits responsible for the puppies’ deaths had been presented when the complaint was first lodged nine months ago.

The department confirmed to the media that the case had been referred back to its Shah Alam branch but declined to comment further.

Shashi said the groups are now hopeful the authorities will pursue the case vigorously.

“I hope they will haul those responsible to court,” he said.-[MALAYMAIL](#)

DVS Shah Alam diarah Buka Semula Siasatan Kes Anak Anjing dibuang

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
FMT	Tempatan	Dalam Talian	28 Nov



Sekumpulan ahli NGO Pertubuhan Hak Asasi Manusia Global dan Persatuan Kebajikan Haiwan Terbiar Sungai Buloh turun ke ibu pejabat DVS di Putrajaya menuntut keadilan bagi kematian anak anjing yang dibuang di Kuang.

PUTRAJAYA: Jabatan Asasi Manusia Global S Perkhidmatan Veterinar Shashi Kumar. (DVS) Putrajaya telah mengarahkan DVS Shah Alam untuk membuka semula kes pembuangan anak-anak anjing, yang akhirnya mati, di Kuang, Selangor, pada September, dan menjalankan siasatan dengan lebih menyeluruh. Ini susulan DVS Shah Alam menutup siasatan kes itu selepas tiga bulan kerana tiada bahan bukti kukuh ditemukan, menurut Presiden Pertubuhan Hak

Asasi Manusia Global S Shashi Kumar.

“Kita sudah buat aduan sejak 9 Sept lalu (hari kejadian), (kita) ada bukti ada pihak tidak bertanggungjawab buang 11 ekor anjing di dalam tong sampah di Kuang.

“Aduan telah dibuat dan bahan bukti telah diberikan kepada DVS Shah Alam. Laporan polis juga telah dibuat tetapi sehingga kini tiada tindakan diambil ... malah kita dimaklumkan kes

telah ditutup,” katanya kepada FMT, menambah tindakan itu tidak boleh diterima.

Terdahulu, Shashi dan 20 individu lain, termasuk wakil daripada kumpulan hak asasi haiwan, berkumpul di depan ibu pejabat DVS di Putrajaya untuk menuntut keadilan bagi kematian anak-anak anjing tersebut.

Kumpulan itu turut membawa bangkai empat daripada 11 anak anjing yang ditemukan di Kuang itu.

Merujuk arahan DVS Putrajaya, Shashi berkata, pihaknya menyambut baik arahan tersebut dan berharap siasatan akan membawa kepada pelaku didakwa di mahkamah.

Sementara itu, DVS Putrajaya enggan memberi sebarang komen berhubung isu tersebut dengan seorang wakil yang enggan dikenali berkata, kes tersebut telah diserahkan kepada DVS Shah Alam untuk disiasat.-[FMT](#)

Pengorbanan Warga DVSS dihargai, Usaha Perangi Rabies dan ASF diperkukuh			
MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
TVSarawak	Berita Sarawak	Dalam Talian	29 Nov



Timbalan Menteri Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah, Datuk Martin Ben pada Majlis Malam Penghargaan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sarawak (DVSS). Foto TVS

KUCHING, 28 Nov: Usaha Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sarawak (DVSS) dalam mengawal penyakit haiwan dan memajukan industri ternakan terus diberi pengiktirafan pada DVSS Gala Night 2025 di Kuching.

Menteri Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah, Dato Sri Dr Stephen Rundi Utom berkata, DVSS memainkan peranan penting sejak 2017, termasuk menangani wabak Rabies yang meragut 80 nyawa,

selain cabaran biosekuriti seperti Demam Babi Afrika (ASF) dan penyakit tangan, kaki dan mulut (HFMD) yang mengancam potensi eksport ternakan negeri.

Sarawak katanya, turut mengunjurkan nilai industri ternakan mencapai RM6 bilion menjelang 2030 melalui adaptasi teknologi moden dan peningkatan produktiviti.

“Untuk membuka fasa pertumbuhan seterusnya,

saya menyeru DVSS untuk memperdalamkan lagi kerjasama cemerlangnya dengan sektor swasta dan pemain industri.

“Dengan bekerjasama rapat dengan para penternak dan pengeluar kita, kita akan memastikan pertumbuhan yang mampan dan positif, serta membantu merealisasikan visi Sarawak sebagai pengeksport makanan masa hadapan,” katanya.

Teks ucapan beliau dibacakan Timbalan Menteri Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah, Datuk Martin Ben pada Majlis Malam Penghargaan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sarawak (DVSS) di sini, malam tadi.

Beliau berkata, kerajaan komited memperkukuh kapasiti DVSS termasuk menambah tenaga kerja dan meningkatkan kemudahan bagi membolehkan jabatan itu terus beroperasi secara berkesan di lapangan.

Jelasnya, malam apresiasi yang diadakan itu turut meraikan pesara DVSS sebagai penghargaan kepada dedikasi mereka yang telah menyumbang kepada hala tuju pembangunan veterinar Sarawak.

Malah, beliau berharap

semangat dan sumbangan warga DVSS akan terus menjadi penggerak utama dalam usaha mengekalkan Sarawak bebas penyakit serta berdaya saing dalam industri makanan serantau. -TVS

DVSS Perkukuh Usaha Bendung Rabies, Sasar Industri Ternakan RM6 Bilion			
MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
TVSarawak	Berita Sarawak	Dalam Talian	29 Nov



*Datu Dr. Adrian Susin Ambud pada Majlis Malam Apresiasi DVSS 2025 di Kuching.
Foto TVS*

KUCHING, 28 Nov: Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sarawak (DVSS) terus memperkukuh peranannya dalam pembangunan industri ternakan dan keselamatan makanan negeri, selain menekankan usaha membendung Rabies secara berterusan.

Pengarahnya, Datu Dr. Adrian Susin Ambud berkata, DVSS mencatat pencapaian kukuh tahun ini dengan nilai eksport sektor ternakan RM675 juta dan nilai industri keseluruhan RM4 bilion,

selain menyumbang RM5 juta hasil kutipan kepada kerajaan negeri.

Beliau berkata, bagi memastikan keupayaan agensi itu dapat dipertingkatkan, DVSS memohon 450 jawatan baharu untuk meluaskan operasi lapangan, penguatkuasaan dan program kawalan penyakit.

Menurutnya, kejayaan menurunkan kadar positif Rabies daripada 35 peratus kepada 10 peratus

membuktikan keberkesanan program vaksinasi besar-besaran yang dijalankan hampir setiap hujung minggu.

“Saya amat menghargai sumbangan setiap warga veterinar yang terlibat dalam program pembasmian Rabies, melaksanakan vaksinasi besar-besaran hampir setiap hujung minggu sehingga berjaya menurunkan bilangan kes positif Rabies.

“Jika usaha ini diteruskan dan disokong penambahan staf, kita berpotensi mencapai sifar kematian menjelang 2027,” katanya pada Majlis Malam Apresiasi DVSS 2025 di sini, malam tadi.

Beliau berkata, kejayaan menurunkan kadar positif rabies itu membuktikan keberkesanan strategi lapangan DVSS, namun ia perlu diperkasa agar Sarawak benar-benar mampu mencapai sifar kematian menjelang 2027.

DVSS turut menekankan pembinaan kepakaran perdagangan antarabangsa bagi memastikan Sarawak memasuki pasaran eksport baharu, sekali gus menyumbang kepada sasaran RM6 bilion nilai industri ternakan menjelang 2030.

Majlis turut meraikan 20 penerima APC 2024, pesara dan kakitangan yang menyelesaikan kontrak perkhidmatan.

Menurut Dr. Adrian, DVSS akan terus melaksana pendekatan ‘rethink, revisit and recharge’ dalam memastikan perkhidmatan veterinar lebih cekap, moden dan mampan. -TVS

Tanggung Pengawa JPVS Nentuka Penyukup Pemakai, Negapka Industri Nupi Jelu Tupi Majak Diaku

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Utusan Borneo	Iban	Dalam Talian	29 Nov



Martin (empat ari kiba) sereta pemesai ke bukai begambar bebala mayuh enggau penerima Anugerah ari JPVS, ditu malam Hari Lima. -Gambar UKAS

KUCHING: Opis Servis Veterinar Sarawak (JPVS) majak dikelala tauka diaku ketegat tanggung pengawa ti beguna dalam nentuka penyukup pemakai nengeri tu sereta ngenegapka industri nupi jelu tupi.

Menteri Industri Pemakai, Komoditi enggau Pemansang Wilayah, Dato Sri Dr Stephen Rundi Utom madahka, dedikasyen enggau profesionalisme ti diayanka raban JPVS udah nempa opis nya nyadi siti ari 'tiang' besai dalam sektor ekonomi

nengeri tu.

"JPVS bejalaika tanggung pengawa ke besai ba pengawa ngenegap sereta nentuka penyukup pemakai Sarawak. Taja pan penyampau orang gawa opis tu enda mayuh, tang pengeransing ti diayanka sida udah mai asil ke amat ngemegah sereta meransang ati," ku iya, bepelasarka ripot Unit komunikasi Awam Sarawak (UKAS), sehari tu.

Dr Rundi madahka pekara nya dalam teks jaku iya ti

dibaca Sapit Menteri iya,
Datuk Martin Ben ba Majlis
Penghargaan Jabatan
Perkhidmatan Veterinar
Sarawak 2025, ti diatur ditu,
malam Hari Lima.

Nambah nya, Dr Rundi mega
meransang JPVS ngambi
tetap ngenegapka
kerejasama strategik enggau
pengemeran industri sereta
semua pemegai entaruh
diken a nentuka sektor nupi
jelu tupi terus ngerembai
sereta meruan.

Asil pengawa tu dianggap
beguna amat diken a
nyukung aspirasyen deka
ngangkatka Sarawak nyadi
menea eksport pemakai
setipak enggau Strategi
Pemansang Pengudah
COVID-19 (PCDS) 2030.

Beserimbai enggau
pengerami nya, JPVS mega
bisi meri basa ngagai
pemesai enggau staf nengah
pengawa meri Anugerah
Perkhidmatan Cemerlang
ngagai 20 iku penerima,
enggau Anugerah
Perkhidmatan Panjang
ngagai lima iku staf ungkup
taun 2025.

Kelimpah ari nya, dua iku staf
ke udah abis kontrak enggau
dua iku agi ke udah mindah
gawa ngagai agensi bukai
mega sama dibasa diken a
ningatka jasa sida iya.-
[UTUSANBORNEO](#)

NRES, JAS Laksana 6 Strategi Holistik Pulihara Sungai

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
BH Online	Nasional	Dalam Talian	29 Nov



Menteri Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Johari Abdul Ghani yang menjalankan tugas Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam. Gambar fail

KUALA LUMPUR: Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) serta Jabatan Alam Sekitar (JAS) melaksanakan enam strategi secara holistik bagi memelihara dan memulihara sungai.

Menteri Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Johari Abdul Ghani yang menjalankan tugas Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam, berkata antara usaha itu ialah melaksanakan program Rakan Alam Sekitar (RAS) yang bertujuan

menggalakkan pembabitan aktif komuniti dalam penjagaan alam sekitar.

Beliau berkata, ahli RAS ini turut berperanan sebagai 'mata dan telinga' kerajaan dalam melaporkan sebarang aktiviti pencemaran serta terbabit dalam program kesedaran dan gotong-royong.

"Isu pencemaran sungai di negara ini amat penting untuk ditangani secara bersepadu dengan pembabitan Kerajaan

Persekutuan, negeri dan pihak berkuasa tempatan (PBT).

"Kebersamaan dan penyelarasan dengan semua pihak terbabit dalam menangani isu kemerosotan kualiti air sungai perlu dipertingkatkan demi menjamin kesejahteraan rakyat," katanya dalam jawapan bertulis di Dewan Rakyat kepada soalan Muhammad Islahuddin Abas (PN-Mersing) berkaitan kesan pencemaran Sungai Johor yang berlaku pada 31 Oktober lalu.

Johari berkata, selain penubuhan RAS, lima usaha lain yang dilakukan pihaknya ialah meningkatkan aktiviti penguatkuasaan terhadap punca pencemaran yang tertakluk mengikut Akta 127 dan peraturan di bawahnya seperti kawalan pencemaran air serta kawalan kepada projek pembangunan yang tertakluk kepada kelulusan laporan Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA)

Beliau berkata, pihaknya juga akan mengenal pasti lokasi aduan yang sering dikaitkan dengan pencemaran air supaya penguatkuasaan lebih berfokus.

Selain itu, katanya, operasi penguatkuasaan dan pemantauan bersepadu dengan agensi

penguatkuasaan pada peringkat Persekutuan dan negeri seperti PBT, Pejabat Tanah dan Daerah (PTD), Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), Indah Water Konsortium (IWK), Jabatan Perkhidmatan Pembentungan (JPP), Jabatan Mineral dan Geosains (JMG), Badan Kawal Selia Air Negeri (BKSA), Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) serta agensi lain yang berkaitan turut diadakan.

"Semua kesalahan melakukan dan menyebabkan pencemaran air yang tertakluk Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974 akan dikenakan tindakan tegas.

"Selain itu, kita juga memberi input pembangunan kepada PBT berkaitan penempatan sesuatu aktiviti pembangunan, keperluan kawalan pencemaran dan kawalan pencemaran," katanya.-

[BHONLINE](#)

Program Ayam Pedaging Perkukuh Keterjaminan Makanan Sabah

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Dail express	News	Dalam Talian	29 Nov



KENINGAU: Program Meningkatkan Produktiviti Penternakan Ayam Pedaging dan Keterjaminan Makanan di Sabah menerusi pembangunan kapasiti bersasar diteruskan di Ladang Ruminan Sebrang dengan penglibatan pengusaha ayam dari sekitar daerah ini.

Pengarah Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) Wilayah Sabah Edward Binty (gambar) berkata program anjuran MPC Wilayah Sabah bersama Jabatan Perkhidmatan Veterinar

Sabah (DVS Sabah) itu merupakan antara inisiatif strategik memperkukuh rantai industri ayam pedaging khususnya melalui peningkatan kemahiran teknikal, pengetahuan komersial dan adaptasi amalan penternakan moden.

“Sesi latihan di Keningau adalah siri ketiga selepas penganjaran di Kota Kinabalu dan Beaufort menjadikan keseluruhan peserta mencecah 120 penternak ayam.

“DVS Sabah memaklumkan

permohonan penyertaan amat menggalakan namun hanya penternak kecil berpengalaman dipilih bagi memastikan keberkesanan program.

“Ia bertujuan membantu penternak kecil meningkatkan produktiviti sebelum beralih kepada operasi berskala sederhana,” katanya.

Beliau berkata program berkenaan bukan sahaja meningkatkan pengetahuan peserta tetapi turut membantu mereka mengadaptasi teknologi baharu dalam penternakan ayam pedaging.

Menurutnya produktiviti bukan lagi pilihan tetapi keperluan untuk memastikan industri penternakan kekal mampan dan kompetitif.

“MPC komited memperkasakan penternak Sabah agar meningkatkan kecekapan operasi serta menghasilkan ternakan lebih berkualiti,” katanya.

Beliau menyatakan kerjasama rapat antara MPC Sabah dan DVS Sabah merupakan langkah proaktif menyokong agenda keterjaminan makanan negeri seiring usaha Kerajaan Negeri memperkukuh sektor agro-makanan di bawah Hala Tuju Sabah Maju Jaya (SMJ).

Program sama dijangka memberi impak positif melalui peningkatan produktiviti penternak, kestabilan harga ayam di pasaran tempatan serta pengukuhan sumbangan kepada ekonomi negeri.-

[DAILYEXPRESS](#)

TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR